

Oleh Siti Nur Almizan Aripin
sitiuralmizan@bh.com.my

Hak wanita masih 'dicabul'

» Tingkatkan kesedaran tangani keganasan, jadikan golongan Hawa bebas penganiayaan

Dalam kebangkitan arus pemodenan dengan sesetengah wanita diangkat sebagai penyumbang terhadap pembangunan negara setanding lelaki, namun masih ada yang melabelkan golongan Hawa pada tahap lemah.

Tanggapan negatif yang menafsir wanita dilahirkan untuk berkhidmat kepada lelaki, objek memuaskan nafsu, tidak rasional dalam pemikiran, hidup atas ihsan suami dan ia akhirnya 'membuka ruang' untuk lelaki menzalimi wanita, juga masih belum dapat dikikis sepenuhnya.

Disebabkan salah tanggapan itu juga, keganasan wanita yang tidak pernah berjaya dihapuskan sehingga kini boleh ditafsirkan sebagai keganasan gender. Salah satu puncanya adalah akibat ketidakeimbangan taraf hidup lelaki dan wanita dalam masyarakat.

Atas kesedaran itu, saban tahun, pada tarikh 25 November, seluruh dunia menyambut Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita.

Objektif utama sambutan itu ialah untuk meningkatkan kesedaran terhadap isu keganasan terhadap wanita dalam apa juga bentuk, sama ada emosi atau psikologi, fizikal, seksual dan sosial yang menyekat wanita menikmati hak sepatutnya.

Teruskan kempen kesedaran
Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata berdasarkan petikan daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-Moon, mentafsirkan keganasan terhadap wanita sebagai pencabulan hak asasi manusia dan menghalang kepada kesaksamaan gender.

Dr Muzaffar berkata, hakikatnya ia perlu ditangani bagi mewujudkan persekitaran selamat untuk wanita



supaya mereka bebas daripada penganiayaan.

Katanya, statistik Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), baru-baru ini menunjukkan kes keganasan rumah tangga di seluruh negara mencatatkan penurunan kepada 3,268 kes dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, berbanding 4,123 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

"Penurunan ini sesuatu yang positif, hasil usaha keras pelbagai pihak terutamanya usaha berterusan dijalankan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan badan bukan kerajaan (NGO) melalui kerjasama bersama institusi pengajian tinggi tempatan yang menganjurkan program seperti seminar, bengkel serta forum bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu keganasan rumah tangga di negara ini.

"Walaupun, ada penurunan kes tetapi kempen kesedaran mengenai hak wanita haruslah diteruskan supaya wanita sentiasa dididik mengenai hak mereka dan tahu ke manakah harus dituju serta pihak manakah yang perlu mereka dampingi apabila berlaku kes keganasan terhadap diri mereka," katanya.

Usaha membuka minda

Tidak semua wanita mempunyai keberanian dan keterbukaan untuk berkongsi pekung rumah tangga walaupun teraniaya bertahun-tahun.

Ada yang beranggapan, melaporkannya kepada pihak berkuasa sebagai sesuatu yang memalukan.

"Ada wanita tidak membuat aduan akibat campur tangan pihak ketiga yang menghalang mereka berbuat demikian, malah ramai tidak mahu tampil membuat aduan kerana khuatir tindakan itu akan menjejaskan emosi serta mengganggu pelajaran anak, terutama apabila aib rumah tangga diketahui orang lain," katanya.

Menurut perangkaan dikeluarkan NGO yang memperjuangkan isu keganasan terhadap wanita, satu pertiga wanita di negara ini dipercayai pernah menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Jadi mangsa lelaki

Statistik juga menunjukkan pada tahun 2007 hingga Februari 2012 berlaku 18,124 kes membabitkan keganasan rumah tangga iaitu 3,756 kes pada 2007; 3,769 kes (2008); 3,643 kes (2009); 3,173 kes (2010), 3,277 kes (2011) dan 506 kes dilaporkan dua bulan pertama tahun 2012.

"Meskipun jumlahnya mendarat, purata sebenar mendapati lebih 3,000 wanita menjadi mangsa kepada kes keganasan rumah tangga di negara ini, setiap tahun. Jumlah ini tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan.

"Walaupun kes keganasan boleh berlaku kepada setiap ahli keluarga termasuk lelaki atau suami, namun tidak dapat dinafikan isu keganasan rumah tangga ini banyak berlaku terhadap wanita atau isteri.

"Wanita atau isteri sering ditindas, selalu menjadi mangsa kepada tindakan penganiayaan dan penderaan daripada pasangan mereka. Ia mungkin berlaku kerana sifat semula jadi wanita sendiri yang lemah lembut serta keberantungan terhadap suami, maka golongan ini sering dijadi-

“Walaupun kes keganasan boleh berlaku kepada setiap ahli keluarga termasuk lelaki atau suami, namun, tidak dapat dinafikan isu keganasan rumah tangga ini banyak berlaku terhadap wanita atau isteri”

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM

kan alat untuk melepaskan marah atau nafsu.

"Keadaan ini menyebabkan ramai wanita menderita dalam diam sepanjang berada dalam institusi rumah tangga terbabit. Ramai wanita perlu tahu, kes keganasan rumah tangga adalah satu kekejaman dalam rumah tangga," katanya.

Lapor kepada pihak berkuasa

Beliau berkata, kebiasaannya kekejaman berlaku satu hala dan diikuti oleh tindak balas yang lain, antaranya penderaan secara fizikal seperti memukul, menampar, membaling menggunakan objek, menendang, menolak atau menggunakan senjata seperti pisau, kayu, senjata dan botol dengan tujuan mencederakan atau menyakitkan pihak yang disasarkannya.

Ada kes penderaan dalam bentuk lisan dan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap emosi mangsa terbabit seperti mencaci, mengeluarkan kata-kata kesat dan tidak sedap didengar, mengejek, mencerca, dan pelbagai lagi.

Keganasan rumah tangga mengikut tafsiran Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) dan ada dua kategori pampasan yang boleh dituntut atau dipohon mangsa keganasan rumah tangga iaitu remedi sivil dan remedi jenayah.

Remedi sivil boleh dipohon daripada mahkamah bagi tujuan mengelak pelaku keganasan itu daripada terus mencederakan mangsa ataupun bagi menuntut ganti rugi daripada pelaku keganasan tersebut kerana kerosakan atau kecederaan yang dialaminya.

Remedi jenayah pula dipohon apabila satu laporan dibuat kepada pihak polis dan tujuan permohonan remedi ini supaya pelaku keganasan dijatuhkan hukuman sama ada denda, penjara atau kedua-duanya sekali mengikut peruntukkan yang sudah ditetapkan melalui Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

"Mangsa terutamanya wanita hendaklah tampil berani membuat aduan jika menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Ia penting kerana jika keganasan terbabit berterusan, ia akan membawa impak yang teruk bukan saja kepada wanita terbabit, malah kepada anak mereka yang mungkin juga akan menjadi mangsa," katanya.

Bagaimanapun, seperti kata pepatah, rambut sama hitam, hati lain-lain, malah tiada siapa mampu mentafsir kualiti jiwa pasangan yang sebelum ini dinikahi atas dasar cinta dan kepercayaan boleh bertindak luar batas kemanusiaan.

Apa yang perlu disemai di dalam hati setiap manusia ialah tiada siapa yang berhak menyiksa insan lain kerana keganasan itu adalah jenayah. Terimalah hakikat dan perbezaan antara satu sama lain supaya setiap insan dapat hidup secara harmoni.

